

Pertembungan Tamadun Islam dan Tamadun Barat: Di Mana Letaknya Konflik?

Mohd. Hapiz Mahaiyadin
Center for Islamic Thought and Understanding
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
Emel: mohdhapiz659@ppinang.uitm.edu.my

Khaliff Mu'ammara A. Harris
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: khalif@ukm.my

ABSTRAK

Penulisan ini menghuraikan konsep ketamadunan dan peradaban menurut perspektif Islam dan Barat serta mencari titik-titik asas yang menyebabkan berlakunya konflik antara kedua-dua tamadun tersebut. Tamadun Islam tidak pernah memusuhi agama, budaya dan cara hidup orang Barat dengan memaksa seluruh manusia menuruti kehendaknya. Dengan dasar dan prinsip tersendiri, Islam menolak fahaman sekularisme berdasarkan kepada materialisme, hedonisme, dualisme, humanisme dan rasionalisme. Fahaman tersebut yang mendasari perkembangan tamadun Barat, bukan sahaja merosakkan fungsi agama dan akhlak, malah pemikiran dan sistem nilai manusia. Turut disentuh proses Islamisasi dan kepentingan umat Islam menguasai ilmu moden bagi menghadapi cabaran masa kini selain mengembalikan semula kehebatan tamadun Islam di pentas dunia.

Kata kunci: *tamadun Islam dan Barat, sekularisme, konflik tamadun, worldview, Islamisasi*